



Pelan Strategik Pendigitalan PSP 2022 - 2026



Merintis

Transformasi Pendigitalan

Kepimpinan Digital

Pemacu PMKS Digital

Edaran Awam



Hak Cipta terpelihara

Semua hak cipta adalah terpelihara. Tiada bahagian dokumen ini boleh diterbitkan semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, salinan, rakaman atau sebagainya, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada SME Corp. Malaysia.

Kandungan

Perutusan

Ketua Pegawai Eksekutif

01	Pengenalan	6
01.01	Sejarah SME Corp. Malaysia	
01.02	Visi SME Corp. Malaysia	
01.03	Misi SME Corp. Malaysia	
01.04	Definisi PMKS	
02	Landskap Perniagaan	10
02.01	Agenda PMKS negara	
02.02	Peranan dan proses perniagaan SME Corp. Malaysia	
02.03	Peranan, perkhidmatan dan tahap pendigitalan	
02.04	Cabaran dan keperluan organisasi	
03	Hala tuju Strategik Pendigitalan	18
03.01	Kerangka pelan strategik perniagaan	
03.02	Kerangka Pelan Strategik Pendigitalan (PSP)	
03.03	Visi pendigitalan	
03.04	Teras strategik pendigitalan	
03.05	Prinsip panduan pendigitalan	
03.06	Ekosistem pemboleh daya pendigitalan	



Rizal Bin Nainy

Ketua Pegawai Eksekutif

**Perbadanan Perusahaan Kecil
dan Sederhana Malaysia
(SME Corp. Malaysia)**

Perutusan dari Ketua Pegawai Eksekutif

Assalamualaikum dan salam perpaduan. Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya, maka Pelan Strategik Pendigitalan (PSP 2022 - 2026) dapat dihasilkan dengan jayanya. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi Kerjasama dalam usaha menyediakan PSP 2022 - 2026 ini.

PSP 2022 - 2026 ini adalah merupakan inisiatif susulan daripada Pelan Pembangunan Strategik Perniagaan 2022 - 2030 (BSP 2022 - 2030) di dalam memperkasakan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) di Malaysia. Dasar Keusahawanan Negara (DKN 2030) yang dibangunkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan Kerangka Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA 2021 - 2025) turut dijadikan asas dan tunjang utama untuk menzahirkan Pelan Strategik Pendigitalan ini.

Selaras dengan tema BSP 2022 - 2030 iaitu merintis transformasi perniagaan, PSP 2022 - 2026 yang telah dihasilkan ini adalah merupakan pelengkap kepada BSP 2022 - 2030 yang akan membantu SME Corp. Malaysia di dalam memacu pertumbuhan PMKS di Malaysia melalui rangka kerja transformasi pendigitalan.

Rangka kerja PSP 2022 - 2026 ini merangkumi 7 Teras Strategik Pendigitalan dan 72 Inisiatif yang telah diformulasikan yang merangkumi penambahbaikan sistem dan infrastruktur rangkaian, polisi dan garis panduan pendigitalan serta penggunaan teknologi digital terkini. Selain daripada itu aspek keselamatan rangkaian serta penyusunan semula struktur urus tenaga teknologi maklumat turut diambil di dalam teras dan inisiatif di dalam PSP 2022 - 2026. Penyediaan PSP 2022 - 2026 ini adalah amat penting sebagai satu panduan dan rujukan kepada pegawai dan kakitangan SME Corp. Malaysia di dalam mentransformasikan sistem penyampaian perkhidmatan seterusnya membantu PMKS supaya lebih berdaya saing.

Adalah diharapkan PSP 2022 - 2026 ini akan membantu SME Corp. Malaysia di dalam mencapai misi membangunkan PMKS yang berdaya saing, inovatif seterusnya memacu ekonomi negara ke tahap yang lebih tinggi.

Sekian, Terima Kasih.🌸

01 Pengenalan



01.01

Sejarah SME Corp. Malaysia

Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia) merupakan agensi penyelaras pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang menyelaras pelaksanaan program pembangunan bagi perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) merentasi ke semua Kementerian dan agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan bagi penyelidikan dan penyebaran data berkaitan PMKS dan usahawan, serta menyediakan khidmat nasihat untuk PMKS dan usahawan di seluruh negara.

01.02

Visi SME Corp. Malaysia

“Organisasi utama bagi pembangunan PMKS yang progresif untuk meningkatkan kemakmuran dan kesejahteraan negara”.

01.03

Misi SME Corp. Malaysia

“Menggalakkan pembangunan PMKS yang berdaya saing, inovatif serta berdaya tahan melalui penyelarasan dan penyediaan khidmat sokongan perniagaan yang berkesan”. 🌀





01.04

Definisi PMKS

Perusahaan Mikro: Jualan tahunan kurang daripada RM300,000 ATAU bilangan pekerja sepenuh masa kurang daripada 5 orang.

Kategori Pembuatan

Perusahaan kecil: Jualan tahunan daripada RM300,000 hingga kurang daripada RM15 juta ATAU pekerja sepenuh masa daripada 5 hingga kurang daripada 75.

Perusahaan sederhana: Jualan tahunan daripada RM15 juta hingga tidak melebihi RM50 juta ATAU pekerja sepenuh masa daripada 75 hingga tidak melebihi 200.

Kategori Perkhidmatan dan Sektor lain


Perusahaan kecil: Jualan tahunan daripada RM300,000 hingga kurang daripada RM3 juta ATAU pekerja sepenuh masa daripada 5 hingga kurang daripada 30.

Perusahaan sederhana: Jualan tahunan daripada RM3 juta hingga tidak melebihi RM20 juta ATAU pekerja sepenuh masa daripada 30 hingga tidak melebihi 75. 🌀

BILANGAN PEKERJA SEPENUH MASA



JUALAN TAHUNAN (RM)



Rajah 1: Definisi PMKS

02

Landskap Perniagaan

02.01

Agenda PMKS negara

SME Corp. Malaysia melalui Pelan Strategik Perniagaan BSP (2022 - 2030) telah menggariskan agenda pembangunan PMKS berdasarkan kepada lima (5) bidang tumpuan seperti berikut:

Bidang Tumpuan 1:

Rantaian nilai dalam industri berimpak tinggi.

Bidang Tumpuan 2:

Pengantarabangsaan PKS.

Bidang Tumpuan 3:

Perusahaan mikro & kumpulan inklusif.

Bidang Tumpuan 4:

Pendigitalan & automasi PMKS.

Bidang Tumpuan 5:

Memperkukuhkan peranan SME Corp. Malaysia sebagai agensi penyelaras pusat (CCA).

Sebanyak 13 strategi pelan pelaksanaan pembangunan PMKS yang telah dikenal pasti seperti berikut:

Strategi 1:

Program jalinan industri.

Strategi 2:

Meningkatkan jalinan pasaran melalui platform padanan yang ditambah baik.

Strategi 3:

Sinergi pembangunan PMKS melalui dasar 'Beli Barangan Buatan Malaysia'.

Strategi 4:

Membangunkan tumpuan berasaskan pasaran bersasar bagi PKS untuk terlibat dalam perdagangan antarabangsa.

Strategi 5:

Memudah cara bantuan eksport & khidmat nasihat perdagangan untuk PMKS.



Strategi 6:

Memudah cara pakatan strategik untuk melibatkan PMKS dalam rantai nilai global.

Strategi 7:

Menerapkan pendekatan bersasar dalam mengendalikan segmen perusahaan Mikro.

Strategi 8:

Perniagaan Inklusif (IB) untuk menyokong perusahaan mikro dalam rantaian nilai.

Strategi 9:

Menggalakkan pengkhususan menerusi Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Strategi 10:

Membangunkan kompas digital PMKS dan platform kit panduan IoT.

Strategi 11:

Bekerjasama dengan IPT bagi menyediakan latihan bakat digital & jalinan industri untuk PMKS.

Strategi 12:

Memperkuhkan pelan tindakan bersepadu PMKS (SMEIPA) untuk mempertingkatkan penyelarasan inisiatif PMKS.

Strategi 13:

Menambah baik proses pendaftaran perniagaan dan pemusatan pangkalan data. 🌐



02.02

Peranan dan proses perniagaan SME Corp. Malaysia

Enam (6) peranan utama SME Corp. Malaysia adalah seperti berikut:

Peranan 1:

Pusat pengumpulan dan rujukan sehati untuk maklumat dan khidmat nasihat PMKS.

Peranan 2:

Penyelarasan program pembangunan PMKS.

Peranan 3:

Penilaian ekonomi PMKS.

Peranan 4:

Akreditasi PMKS.

Peranan 5:


Program pembangunan dan sokongan perniagaan.

Peranan 6:

Akses ke pasaran dalam negeri dan antarabangsa.

Perkaitan di antara peranan, proses perniagaan dan aktor bisnes digambarkan dalam rajah 2. ❁

Peranan & Proses Bisnes Keseluruhan



Rajah 2: Peranan dan Proses Perniagaan

02.03

Peranan, perkhidmatan dan tahap pendigitalan



Pendekatan utama untuk mengenal pasti keperluan pendigitalan organisasi ialah melalui penilaian peranan organisasi, perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan, proses perniagaan berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan dan juga aktor bisnes yang melaksanakan proses perniagaan tersebut.

Melalui pendekatan tersebut berdasarkan permasalahan, cabaran, keperluan dan cadangan pihak pengurusan dan kumpulan berkepentingan, reka bentuk asas pembangunan penyelesaian pendigitalan telah dibangunkan dalam PSP ini. Tahap pendigitalan semasa SME Corp. Malaysia berdasarkan peranan adalah seperti berikut:

1) Pendigitalan LENGKAP

- Peranan 1: Pusat pengumpulan dan rujukan sehati untuk maklumat dan khidmat nasihat PMKS.
- Peranan 2: Penyelarasan program pembangunan PMKS.
- Peranan 4: Akreditasi PMKS.

2) Pendigitalan SEPARA lengkap


- Peranan 3: Penilaian ekonomi PMKS.
- Peranan 5: Program pembangunan dan sokongan perniagaan.

3) Pendigitalan TIDAK lengkap

- Peranan 6: Akses ke pasaran dalam negeri dan antarabangsa.

Sila rujuk rajah 3 untuk ilustrasi peranan berbanding tahap kelengkapan pendigitalan.⊗


Business Process Cooperation Viewpoint - Peranan, Perkhidmatan dan Tahap Pendigitalan



Rajah 3: Peranan, Perkhidmatan dan Tahap Pendigitalan

02.04

Cabaran dan keperluan organisasi



Melalui sesi temu bual bersama pihak pengurusan dan menerusi bengkel PSP yang telah diadakan, rumusan dapatan adalah seperti berikut:

1) Persepsi digital semasa:

- Keadaan sistem semasa yang tidak berintegrasikan dan berkeadaan berasingan.
- Data yang tidak berstruktur.
- Cabaran dalam menangani keselamatan ICT.
- Penggunaan teknologi yang sudah ketinggalan zaman (*obsolete*).
- Pembangunan projek ICT bersifat reaktif.
- Kekangan kakitangan dan kepakaran ICT untuk menambah baik keupayaan organisasi.
- Kurang penekanan membangun polisi dan tatacara reka bentuk dan pelaksanaan pendigitalan.

2) Inspirasi digital:

- Pendigitalan menyeluruh dan bersepadu berlandaskan proses perniagaan yang efisien.
- Penyatuan, perkongsian dan pengurusan data yang cekap

dan tepat merentasi organisasi.

- Pendigitalan sebagai agen pemberi daya keupayaan organisasi.
- Pelaksanaan aktiviti pendigitalan dengan kos yang lebih efektif.
- Sistem pendigitalan yang teguh, tangkas dan boleh skala (*robust, agile, scalable*).
- Peningkatan kemahiran dan kepakaran pasukan ICT.

3) Aspirasi digital:

- SME Corp. Malaysia menerajui transformasi pendigitalan untuk menjadi contoh kepada PMKS.
- Meningkatkan keupayaan PMKS untuk mendapat perkhidmatan dari SME Corp. Malaysia melalui akses dan keupayaan digital.
- Pendigitalan memberi keupayaan baru untuk menjadi pusat akses pasaran dan padanan perniagaan.
- Perkhidmatan digital yang bersepadu kepada pelanggan pada bila-bila masa.
- Memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan mempunyai nilai tambah.
- Memberi keupayaan untuk menjana pendapatan. 🌀



03 Hala tuju Strategik Pendigitalan

03.01

Kerangka pelan strategik perniagaan

Pelan Strategik Perniagaan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (BSP) 2022 - 2030 dibangunkan bagi menetapkan hala tuju strategik SME Corp. Malaysia untuk mencapai matlamat dan aspirasi organisasi secara menyeluruh. BSP 2022 - 2030 tersebut telah dijadikan asas dan panduan untuk pembangunan Pelan Strategik Pendigitalan SME Corp. Malaysia 2022 - 2026.

Pelan Strategik Perniagaan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (BSP) 2022 - 2030 tersebut telah dirumuskan di dalam bentuk *Enterprise Architecture* (EA) seperti dalam rajah 4.

Visi

“Organisasi utama bagi pembangunan PMKS yang progresif untuk meningkatkan kemakmuran dan kesejahteraan negara”.

Misi

“Menggalakkan pembangunan PMKS yang berdaya saing, inovatif serta berdaya tahan melalui penyelarasan dan penyediaan khidmat sokongan perniagaan yang berkesan”.

Matlamat

1. Meningkatkan penubuhan firma berpertumbuhan tinggi dan inovatif untuk lonjakan berganda KDNK.
2. Mewujudkan perusahaan Mikro yang berdaya maju bagi sumbangan yang lebih tinggi kepada ekonomi.

KPI

Terdapat 26 Petunjuk Prestasi Utama (KPI).

Strategi

Terdapat 13 Strategi.

Inisiatif


Terdapat 35 Inisiatif.

Faktor Kejayaan Utama (KSF)

5 Faktor Kejayaan Utama (KSF).

Bidang Tumpuan

5 Bidang Tumpuan. 🌀



Rajah 4: Kerangka Pelan Strategik Perniagaan

03.02

Kerangka Pelan Strategik Pendigitalan (PSP)


Kerangka Pelan Strategik Pendigitalan

SME Corp. Malaysia (PSP 2022 - 2026) dibahagikan kepada empat (4) kategori seperti ilustrasi dalam rajah 5 yang merangkumi:

Tema: “Merintis Transformasi Pendigitalan”.

Visi: “Kepimpinan Digital Pemacu PMKS Digital”.

1. Visi & tema pendigitalan;
2. Teras strategik pendigitalan;
3. Prinsip panduan pendigitalan; dan
4. Ekosistem pemboleh daya pendigitalan.



Rajah 5: Kerangka Strategik Pendigitalan (PSP)

Tujuh (7) teras strategik pendigitalan seperti berikut:

Teras 1: Pemanfaatan kepintaran data.

Teras 2: Peneraju perkhidmatan digital inklusif dan bersepadu.

Teras 3: Tadbir urus efisien dan tangkas.

Teras 4: Pemerksaan dan penyegaran modal insan.

Teras 5: Pengoptimuman nilai perkhidmatan guna sama yang selamat.

Teras 6: Penjenamaan, peluasan promosi dan pembudayaan.

Teras 7: Adaptasi kemunculan teknologi baharu yang relevan.

Tujuh (7) prinsip panduan mendorong ke arah pelaksanaan inisiatif pendigitalan seperti berikut:

1. Berpaksikan PMKS;
2. Berpacukan data;
3. Akauntabiliti dan ketelusan;
4. Prinsip sekali sahaja;
5. *Digital by default*;
6. Pematuhan ICT; dan
7. Kebolehpercayaan.

Tujuh (7) ekosistem pemboleh daya pendigitalan ialah seperti berikut:

1. Sikap, kemahiran dan pengetahuan;
2. Kepimpinan digital;
3. *Enterprise Architecture*;
4. Perundangan dan peraturan;
5. Pengurusan perubahan;
6. Keselamatan siber; dan
7. Keberkesanan tadbir urus. ☯



03.03

Visi pendigitalan



Aspirasi kepimpinan digital bagi memacu perkembangan PMKS digital adalah seperti berikut:

1. Menyokong Pelan Strategik Perniagaan SME Corp. Malaysia 2022 - 2030.
2. Seiring dengan aspirasi Kerajaan digital.
3. Berpandukan Pelan Strategik Pendigitalan sektor awam (PSPSA 2021 - 2025).
4. Menerajui transformasi pendigitalan untuk memberi perkhidmatan yang lebih mantap kepada PMKS.
5. Pelaksanaan inisiatif digital yang dijadikan rujukan oleh PMKS dan dipimpin oleh SME Corp. Malaysia.

Definisi kepimpinan digital adalah seperti berikut:

1. Penggunaan strategik aset digital organisasi untuk mencapai matlamat perniagaan.
2. Membantu organisasi mencipta aliran kerja dan proses perniagaan yang membolehkan teknologi, produk dan perkhidmatan baharu dilaksanakan dengan efisien.
3. Membina budaya digital, meningkatkan produktiviti personel, meningkatkan

kepuasan pelanggan dan meningkatkan hasil.

Definisi pemacu PMKS digital adalah seperti berikut:

- Sebagai peneraju PMKS negara, segala inisiatif pendigitalan yang dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia akan mempercepatkan lagi proses pembelajaran, penerimaan dan pelaksanaan pendigitalan oleh PMKS.

03.04

Teras strategik pendigitalan

Tujuh (7) teras strategik tonggak pendigitalan di bawah Pelan Strategik Perniagaan 2022 - 2030 adalah seperti berikut:

1. **Teras 1:** Pemanfaatan kepintaran data.
2. **Teras 2:** Peneraju perkhidmatan digital inklusif dan bersepadu.
3. **Teras 3:** Tadbir urus efisien dan tangkas.
4. **Teras 4:** Pemerksaan dan penyegaran modal insan.
5. **Teras 5:** Pengoptimuman nilai perkhidmatan guna sama yang selamat.
6. **Teras 6:** Penjenamaan, peluasan promosi dan pembudayaan.
7. **Teras 7:** Adaptasi kemunculan teknologi baharu yang relevan.

Teras 1: Pemanfaatan kepintaran data

- Memperkukuh pengurusan dan penyelarasan data.
- Mempertingkatkan kemampuan perancangan, pembangunan dasar, strategi dan keputusan berasaskan kepintaran data.

Teras 2: Peneraju perkhidmatan digital inklusif dan bersepadu

- Memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan digital yang kreatif dan berinovasi.
- Menggalakkan dan menerapkan penggunaan kemunculan teknologi baharu (*emerging technologies*) bagi menghasilkan aplikasi pintar dan berimpak tinggi.

Teras 3: Tadbir urus efisien dan tangkas

- Memantapkan, menggerakkan dan mengkoordinasi tadbir urus pendigitalan yang menyeluruh.
- Memantapkan pengurusan dan fungsi organisasi digital SME Corp. Malaysia yang efisien.

Teras 4: Pemerksaan dan penyegaran modal insan

- Memantapkan kepimpinan digital personel SME Corp. Malaysia melalui keupayaan dan kemahiran digital.



Teras 5: Pengoptimuman nilai perkhidmatan guna sama yang selamat

- Memantapkan perkhidmatan guna sama ICT dengan nilai tambah penggunaan teknologi terkini yang relevan.
- Memastikan penawaran perkhidmatan guna sama ICT yang selamat dan mampan.

Teras 6: Penjenamaan, peluasan promosi dan pembudayaan

- Menambah baik penjenamaan, peluasan dan promosi perkhidmatan digital kepada PMKS dan masyarakat.
- Memantapkan inisiatif pengurusan perubahan dan pembudayaan digital.

Teras 7: Adaptasi kemunculan teknologi baharu yang relevan

- Meningkatkan pelaksanaan inisiatif berasaskan *emerging technologies* dalam pelaksanaan inisiatif pendigitalan. 🌀

03.05

Prinsip panduan pendigitalan

Tujuh (7) prinsip panduan mendorong ke arah pelaksanaan inisiatif pendigitalan seperti berikut:

1. Berpaksakan PMKS;
2. Berpacukan data;
3. Akauntabiliti dan ketelusan;
4. Prinsip sekali sahaja;
5. *Digital by default*;
6. Pematuhan ICT; dan
7. Kebolehpercayaan.

1. Berpaksakan PMKS: Menyediakan perkhidmatan digital yang terbaik, mesra pengguna, memenuhi kehendak PMKS yang berkepelbagaian dan keperluan industri.

2. Berpacukan data: Menjadikan data sebagai aset dan nilai tambah kepada perkhidmatan digital yang merentasi Kerajaan, PMKS, akademik, industri dan rakyat secara domestik mahupun global.

3. Akauntabiliti dan ketelusan:

- Melaksanakan tugas mengikut peraturan, undang-undang dan prosedur yang ditetapkan.
- Meningkatkan ketelusan dalam pengoperasian SME Corp. Malaysia dan perkongsian maklumat bersama PMKS dalam menjalinkan kerjasama antara agensi ataupun jabatan Kerajaan.





4. Prinsip sekali sahaja: Memastikan pengguna dan PMKS tidak memberi maklumat yang sama berulang kali menerusi perkhidmatan digital SME Corp. Malaysia.

5. *Digital by default*: Keterangan prinsip panduan *digital by default* adalah seperti berikut: Transformasi digital kepada sistem dan prosedur kerja semasa yang membolehkan penyampaian perkhidmatan diberikan secara digital berasaskan keperluan pelanggan, telus, mudah, cepat dan tepat.

6. Pematuhan ICT: Mematuhi akta, dasar dan garis panduan serta amalan terbaik ICT.

7. Kebolehpercayaan: Kebolehpercayaan dalam melaksanakan perkhidmatan yang disediakan dengan tepat, mudah dan lancar.

03.06

Ekosistem pemboleh daya pendigitalan

Tujuh (7) ekosistem pemboleh daya pendigitalan adalah seperti berikut:

1. Sikap, kemahiran dan pengetahuan;
2. Kepimpinan digital;
3. *Enterprise Architecture*;
4. Perundangan dan peraturan;
5. Pengurusan perubahan;
6. Keselamatan siber; dan
7. Keberkesanan tadbir urus.

1. Sikap, kemahiran dan pengetahuan:

Sikap, kemahiran dan pengetahuan yang sesuai dan tepat untuk memastikan perkhidmatan digital yang ditawarkan adalah relevan dan memenuhi keperluan pelanggan.

2. Kepimpinan digital:

Kepimpinan digital diperlukan untuk menentukan hala tuju, membuat keputusan dan meneroka peluang inovasi digital.

3. *Enterprise Architecture*:

Mengamalkan *Enterprise Architecture* (EA) berpandukan garis panduan pelaksanaan EA sektor awam (MyGovEA) bagi meningkatkan penyampaian yang bersepadu, terangkum dan selamat dengan mengutamakan pelanggan.

4. Perundangan dan peraturan:

Perundangan/akta/dasar/pekeliling/garis panduan dan peraturan yang relevan, holistik dan dinamik bagi memenuhi tuntutan persekitaran dan kelangsungan Kerajaan digital.

5. Pengurusan perubahan:

Pemeriksaan amalan pengurusan perubahan yang berterusan dan berkesan bagi memastikan inisiatif pendigitalan dilaksanakan dengan jayanya.

6. Keselamatan siber:

Memperkasakan keselamatan siber bagi memastikan kesinambungan penyampaian perkhidmatan digital yang selamat dan boleh dipercayai serta melindungi maklumat peribadi rakyat dan maklumat syarikat PMKS.

7. Keberkesanan tadbir urus:

Penguatan tadbir urus digital dan organisasi yang mantap bagi memastikan kejayaan agenda pendigitalan SME Corp. Malaysia. ☸




Ringkasan teras pendigitalan seperti ilustrasi dalam rajah 6. 🌀

7 TERAS 15 STRATEGI 28 PROGRAM 72 INISIATIF



Rajah 6: Ringkasan Teras Pendigitalan



Bahagian Teknologi Maklumat

SME Corp. Malaysia

 1300-30-6000

 info@smecorp.gov.my

 www.smecorp.gov.my